

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN : Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan oleh FAMA untuk menambah pasar tani kekal di seluruh negara dan apakah impak yang telah diberikan dengan pembinaan pasar tani kekal

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi agensinya FAMA telah membuat perancangan bagi membangunkan tambahan sebanyak 65 buah Pasar Tani Kekal dan Pasar Tani Borong baru bagi tempoh 2015 hingga 2017. Pembangunan program Pasar Tani Kekal dan Pasar Tani Borong telah memberikan impak seperti berikut :

- (i) Menyediakan ruang pasaran terus kepada kumpulan pengeluar yang terdiri daripada petani, penternak dan nelayan memasarkan hasil pertanian di bawah satu outlet pemasaran kekal yang lengkap dengan kemudahan diperlukan;

- (ii) Meningkatkan pulangan ke atas syer pengeluar (berasaskan kepada ringgit pengguna) dengan pengenalan kepada sistem komisyen dan pengurangan kos pemasaran;
- (iii) Membolehkan kumpulan pengeluar terlibat di dalam operasi urusaniaga melalui penubuhan konsortium; dan
- (iv) Harga jualan boleh ditentukan secara perundingan/ jualan lelong yang lebih telus dan ke arah amalan urusaniaga yang lebih adil, saksama dan cekap